

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

BH ISNIN, 27 APRIL 2020

3

Nasional

Penularan COVID-19

100 keluar hospital, 38 kes positif baharu

Jumlah kumulatif pesakit sembah, dibenar pulang 3,862 orang

Putrajaya: Sebanyak 100 kes pulih COVID-19 dan dibenarkan keluar hospital yang mengatasi kes positif baharu, iaitu 38, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah keseluruhan kumulatif kes yang sudah sembah dan dibenarkan pulang sebanyak 3,862 kes bersamaan 66.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat pertambahan sebanyak 38 kes baharu yang dilaporkan ke Pusat Kesapsagaan dan Tindakan Cepat Krisis (CPRC) semalam menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 sebanyak 5,780 kes," katanya dalam sidang media harian, di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak 98 kes (1.70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Tiada kes kematian semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga ini, seramai 36 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, 15 kes memerlukan bantuan pernafasan.



Dr Noor Hisham pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

Secara keseluruhan, katanya, seramai 21,466 orang sudah menjalani ujian COVID-19 di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), sehingga 12 tengah semalam.

Daripada jumlah itu, 638 kes didapati positif COVID-19 iaitu sebanyak 2.97 peratus.

"Didapati daripada jumlah positif COVID-19 ini, seramai 388 kes (61 peratus) adalah bukan warganegara Malaysia dan baki 250 kes (39 peratus) pula adalah warganegara Malaysia," kata-

nya.

Beliau berkata, ada pertambahan satu kes baharu di PKPD Menara City One Plaza, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 52 kes, Malayan Mansion (lima kes baharu, keseluruhan 12 kes) dan Pusat Bandar Utara serta Sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur (sembilan kes baharu, keseluruhan 55 kes).

Beliau berkata, bagi aktiviti tertumpu di madrasah atau sekolah tahtif pula seramai 6,229 pelajar, guru dan kakitangan sudah menjalani ujian COVID-19 sehingga semalam dan daripada jumlah itu 341 orang didapati positif (5.47 peratus).

han satu kes baharu di PKPD

Menara City One Plaza, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak

52 kes, Malayan Mansion (lima kes baharu, keseluruhan 12 kes)

dan Pusat Bandar Utara serta

Sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur (sembilan kes baharu,

keseluruhan 55 kes).

Beliau berkata, bagi aktiviti

tertumpu di madrasah atau sekolah tahtif pula seramai 6,229

pelajar, guru dan kakitangan

sudah menjalani ujian COVID-19

sehingga semalam dan daripada

jumlah itu 341 orang didapati po-

sitif (5.47 peratus).

Pesakit pulih dibenar pulang perlu jalani kaunseling

Kuala Lumpur: Malaysia belum merekodkan kes berkaitan jangkitan semula COVID-19 dalam kalangan pesakit yang pulih sehingga ini walaupun tiada bukti pesakit pulih terlindung daripada jangkitan semula.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua pesakit pulih perlu menjalani sesi kaunseling sebelum dibenarkan pulang bagi memastikan langkah pencegahan dan amalan kebersihan diutamakan untuk mengelak dijangkiti semula.

"Walaupun (pesakit pulih sepenuhnya) ada respons antibodi Immunoglobulin M (IgM) dan Immunoglobulin G (IgG), ia tak melindungi mereka daripada dijangkiti semula COVID-19."

"Tiada bukti mereka dilindungi daripada jangkitan semula, selain besar kemungkinan keadaan ini boleh berlaku," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menegaskan antibodi pesakit pulih jangkitan COVID-19 tidak melindungi mereka daripada dijangkiti semula.

Dalam perkembangan lain, Dr Noor Hisham berkata jumlah kes positif COVID-19 dalam kalangan warganegara Malaysia yang melawat Indonesia mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 99 kes berbanding ke negara lain.

Sehingga Jumaat lalu, seramai 12,672 rakyat tempatan yang baru

Tiada bukti mereka dilindungi daripada jangkitan semula, selain besar kemungkinan keadaan ini boleh berlaku.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan


pulang dari pelbagai negara sudah disaring oleh pihaknya dan daripada jumlah itu, 139 individu positif COVID-19.

Daripada jumlah positif COVID-19 berkenaan, 99 kes adalah mereka yang melawat Indonesia, 14 melawat United Kingdom; 13 (Singapura); lima (Turki), tiga (Belanda); dua (Amerika Syarikat) dan satu kes masing-masing melawat Thailand, Perancis + dan Bangladesh.

"Ini menunjukkan aktiviti 'pendekatan tertumpu' yang diambil kerajaan setakat ini menurunkan hasil yang diharapkan seperti mengekang penularan dalam kalangan kumpulan yang berisiko tinggi ini."

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangka lebih banyak kes positif dikenal pasti dalam masa terdekat ini memandangkan aktiviti pendekatan tertumpu ini masih diteruskan," katanya.

TABURAN KES COVID-19 26 APRIL 2020 (Setakat 12 tengah hari)



Grafik BH

AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 4****RUANGAN : NASIONAL**

Kes jangkitan di Bahau berkait kluster pasar borong

Kuala Lumpur: Saringan ke atas 60 peniaga di Pasar Awam Bahau di Jempol, Negeri Sembilan sudah mula dilakukan dan akan diperluas ke kontak rapat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes dikesan di pasar awam berkenaan bukan kluster baharu sebaliknya ia adalah jangkitan dari kluster di Pasar Borong Kuala Lumpur.

"Kita dapat peniaga ini dari pasar borong Kuala Lumpur dan kembali ke Bahau dan jalani perniagaan di situ. Kita anggap ia kluster pasar borong.

"Kita akan uji 60 peniaga ini

dan saringan sudah pun bermula. Kita harap dapat kawal jangkitan dan kurangkan jangkitannya," katanya pada sidang mediana, semalam.

Di Jempol, Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Jempol, Syahrul Nizam Saleh, berkata operasi Pasar Awam Bahau ditutup selama 14 selepas seorang peniaga di pasar berkenaan disahkan positif COVID-19.

Katanya, penutupan pasar bermula hari ini sehingga 10 Mei depan bagi membolehkan kerja pembersihan dijalankan selain mengelakkan sebarang jangki-

tan dan penyebaran virus.

Katanya, peniaga berusia 44 tahun itu disahkan positif pada 24 April lalu dan adalah kluster Pasar Borong Selayang.

"Seramai 60 peniaga di pasar awam berkenaan diwajibkan menjalani ujian saringan yang akan dijalankan di Medan Niaga Kiara bermula jam 8 pagi esok (ini).

"Kita meminta semua peniaga terbabit untuk hadir menjalani saringan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Syahrul Nizam berkata, keadaan di sekitar bandar Bahau masih terkawal.



Saringan ke atas 60 peniaga di Pasar Awam Bahau sudah dilakukan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

21,466 individu di PKPD jalani ujian

Putrajaya: Sehingga jam 12 tengah hari semalam, 21,466 individu di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sudah menjalani ujian COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, 638 kes didapati positif COVID-19 atau 2.97 peratus.

Daripada jumlah positif COVID-19 itu, seramai 388 kes atau 61 peratus adalah warga asing.

"PKPD yang mempunyai kes baharu pada hari ini (semalam) adalah Menara City One Plaza iaitu satu kes baharu, menjadikan ju-

mlah 52 kes.

"Malayan Mansion sebanyak lima kes baharu, menjadikan kes seluruh 12 kes dan Pusat Bandar Utara serta sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur pertambahan sembilan kes baharu, menjadikan jumlah 55 kes."

"Bagi aktiviti tertumpu di masjid atau sekolah tafiz pula, sehingga semalam (kelmarin) didapati 6,229 pelajar, guru dan kakitangan sudeh menjalani ujian.

"Seramai 341 orang didapati positif COVID-19 atau 5.47 peratus," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.



Petugas KKM melakukan ujian saringan kepada penduduk di kawasan Selangor Baru susulan PKPD.

Status dua kampung masih dibincang

Simpang Renggam: Status Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Bandar Baru Ibrahim Majid dan Kampung Datuk Ibrahim Majid yang dikuat kuasa sejak 27 Mac lalu dibincangkan semalam.

Hasil perbincangan antara Pengarah Kesihatan Johor, Dr Aman Rabu; Pegawai Daerah Kluang, Ismail Abu dan Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR), Mohamad Sukry Abd Rahim akan dibawa ke peringkat negeri sebelum diputuskan Kementerian Kesihatan (KKM).

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dari Alam Sekitar negeri, R Vidyananthan, berkata hasil perbincangan dibawa ke mesyuarat peringkat negeri hari ini.

Beliau berkata, KKM akan memutuskan sama ada menamatkan PKPD esok atau menyambungnya ke satu tarikh lain.

Katanya, prosedur operasi stan-

dard (SOP) perlu diperhalusi sekiranya PKPD di kedua-dua kawasan itu ditamatkan dan jika ia diteruskan apakah langkah susulan yang perlu diambil.

"Pelbagai perkara perlu diambil perhatian dan kita tidak mahu apabila PKPD ditamatkan, ia akan memburukkan keadaan," katanya.

Vidyananthan berkata demikian selepas mesyuarat khas di Bilik Gerakan Bencana COVID-19 di Dewan Orang Ramai MDSR, semalam.

Bandar Baru Ibrahim Majid dan Kampung Datuk Ibrahim Majid dikenakan PKPD pada 27 Mac hingga 9 April sebelum disambung hingga esok bagi fasa kedua.

Pelaksanaan PKPD di kawasan berkenaan membabitkan 630 rumah dengan 3,570 penduduk.

Sepanjang PKPD dilaksanakan 198 orang dikesan positif COVID-19 dengan empat kematian.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

BH ISNIN, 27 APRIL 2020

Penularan COVID-19

1,500 jalani saringan

Program skala besar di Kuantan guna sistem pandu lalu

Kuantan: Seramai 1,500 individu di daerah ini menjalani saringan COVID-19 dikendalikan Jabatan Kesihatan negeri di Terminal Sentral Kuantan (TSK), Indera Mahkota, di sini semalam.

Penyelaras Program, Dr D Narish Kumar, berkata program berskala besar bermula jam 8 pagi hingga 5 petang itu disertai 100 kakitangan termasuk 20 doktor menggunakan sistem pandu lalu.

Beliau berkata, pihaknya menggunakan khidmat doktor dan kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuantan, PKD Maran dan PKD Pekan yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi melancarkan proses saringan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Kawasan TSK yang luas dan

bertingkat memberi lebih keselesaan kepada petugas dan individu menjalani saringan. Tingkat bahawah digunakan untuk proses mengisi borang dan tingkat atas bagi proses saringan," katanya,

bertingkat memberi lebih keselesaan kepada petugas dan individu menjalani saringan. Tingkat bahawah digunakan untuk proses mengisi borang dan tingkat atas bagi proses saringan," katanya,

Dr Narish berkata, kerjasama diberikan individu yang turut membawa ahli keluarga bersama adalah suatu tindakan dipuji, sekali gus membuktikan kesedaran tinggi masyarakat terhadap bahaya COVID-19.

Beliau berkata, mereka yang terbabit tidak perlu turun kenderaan masing-masing, sebaliknya doktor dan jururawat akan datang ke kenderaan bagi melakukan saringan.

“Sebelum ini saringan dilakukan berskala kecil, kali ini jumlahnya mencecah 1,500. Ini antara usaha untuk kita menyekat penularan wabak COVID-19 di daerah ini,” katanya.



Program saringan babitkan penduduk Kuantan di TSK, Indera Mahkota, semalam.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Kerian, Rembau Zon Hijau

Putrajaya: Daerah Kerian di Perak kini menjadi kawasan baharu dikategorikan sebagai Zon Hijau selepas tidak lagi mencatatkan kes aktif COVID-19, sehingga jam 12 tengah hari kelmarin.

Menerusi infografik yang dikongsi oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan (KKM), menunjukkan Kerian sebelum ini mempunyai 19 kes COVID-19.

Selain Kerian, daerah Rembau dahulunya dikategorikan sebagai Zon Merah turut bertukar ke Zon Hijau selepas tidak lagi mempunyai kes yang aktif.

Dalam pada itu, Kuala Lumpur terus mencatatkan pertambahan kes baharu secara mendadak, iaitu sebanyak 39 kes sehingga kelmarin yang menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 1,154 kes.

Semua daerah di Kuala Lumpur kini masih dikategorikan sebagai Zon Merah kecuali Cheras yang kini diletakkan sebagai Zon Jingga kerana terdapat penurunan kes aktif iaitu kini hanya 33 kes di daerah terbabit.

Sarawak turut merekodkan pertambahan kes baharu sebanyak 10 kes, diikuti Selangor dan Pahang, bertambah satu kes serta tiada pertambahan kes di negeri lain.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

BH ISNIN, 27 APRIL 2020

17

Ambil, hantar penderma darah secara percuma

Pemandu teksi tawar khidmat sepanjang PKP, terima pujian PDN

Kuala Lumpur: Sejak 11 tahun lalu, menjadi rutin Mohamad Azuan Abdullah, 40, menderma darah setiap tiga bulan untuk menampung keperluan tabung darah negara bagi membantu pesakit yang memerlukan.

Malah, usaha murni pemandu teksi ini tidak terhenti di situ, apabila beliau turut menawarkan khidmat mengambil dan menghantar penderma darah sekitar ibu negara secara percuma sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mengakui pendapatannya ter-

jejas ketika PKP, ia bukan halangan untuk beliau meneruskan niatnya menawarkan perkhidmatan itu demi memastikan tabung darah negara sentiasa menerima bekalan darah.

"Saya membantu penderma sekitar Kuala Lumpur untuk sama-sama menderma ketika PKP, mungkin mereka ada batasan untuk keluar dan saya sebagai pemandu teksi apa salahnya membantu mengambil dan hantar mereka pulang."

"Sesiapa sahaja ada yang pernah menderma atau baru hendak menderma, saya boleh bantu dengan khidmat ini," katanya.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, setakat ini beliau sudah mengambil dan menghantar lapan penderma darah ke Pusat Darah Negara (PDN).

"Ada daripada mereka adalah kawan saya, ada yang saya tidak kenal. Mereka hanya mesej di Fa-

Mungkin mereka ada batasan untuk keluar dan saya sebagai pemandu teksi apa salahnya membantu mengambil dan hantar mereka pulang.

*Mohamad Azuan Abdullah,
Pemandu teksi*

cebook dan tetapkan masa untuk pergi menderma," katanya yang mempromosikan perkhidmatan itu melalui media sosialnya.

Usaha Mohamad Azuan turut menerima pujian ramai apabila PDN melalui Facebook rasminya memberi penghargaan dan berkongsi khidmat ditawarkan



PDN menghargai usaha Mohamad Azuan.

(Foto BERNAMA)

anak jati Sungai Siput, Perak ini.

"Saya kerap buat hantaran mengenai derma darah di Facebook dan daripada situ saya harap orang ramai ada kesedaran untuk menderma," katanya.

Mengimbau detik kali pertama menderma darah pada 2009, Mohamad Azuan berkata, ia bermula apabila beliau terbaca catatan di Facebook mengenai seorang kanak-kanak yang memerlukan darah jenis A.

Susulan itu, beliau nekad untuk menderma di Pusat Perubatan Universiti Malaya dan meneruskan aktiviti berkenaan sehingga kini.

"Mula-mula ingat sakit, tapi tak pula dan saya rasa seronok

selepas menderma. Saya sambung sampai sekarang setiap tiga bulan sekali," katanya yang juga penderma aferesis.

Sementara itu, Pengarah PDN, Dr Noryati Abu Amin, ketika dihubungi berkata, pihaknya berterimakasih dan menghargai usaha Mohamad Azuan dan ia inisiatif perseorangan yang dilakukan membantu penderma lain.

Beliau berkata, selain menjadi penderma darah, PDN menggalakkan masyarakat membantu pengajuran kempen pendermaan darah dalam memastikan bekalan darah mencukupi untuk kegunaan pesakit di seluruh negara pada setiap masa.

BERNAMA

Nasional

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

A3

lokal

Oleh Muhamad Hafis Nawawi dan Raja Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bilangan kes pulih Covid-19 melebihi kes jangkitan baharu terus dicatatkan apabila 100 kes pulih dan dibenarkan keluar wad diumumkan kelmarin berbanding kes baru.

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan dibenarkan keluar wad adalah 3,862 kes 66.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdulrahman berkata, jumlah kes positif Covid-19 di negara ini pula adalah 38 kes dan jumlah kes positif 5,780.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 1,820 kes. Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, 36 kes positif Covid-19 dirawat di ICU. Daripada jumlah itu, 15 kes memerlukan bantuan pernafasan"

Dr Noor Hisham

TIADA KEMATIAN DICATATKAN

Bilangan pesakit sembuh sebanyak 100 kes melebihi kes jangkitan baharu semalam

"Sehingga kini, 36 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, sebanyak 15 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Makumat terkini dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), dimaklumkan bawah tiada pertambahan kes kematian berkaitan virus Covid-19 hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Covid-19 di Putrajaya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 98 kes.

21,466 disaring di kawasan PKPD

Kuala Lumpur: Seramai 21,466 orang sudah menjalani ujian Covid-19 di kawasan perintah kawalan diperketatkan (PKPD) setakat jam 12 tengah hari semalam dengan 638 kes didapati positif Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdulrahman berkata, daripada jumlah positif Covid-19 itu, 388 kes atau 61 peratus adalah bukan warganegara dan baki 250 kes atau 39 peratus pula adalah warganegara.

Menurutnya, PKPD yang mempunyai kes baru pada semalam adalah Menara City One Plaza satu kes baharu, menjadikan jumlah kes 52 kes, Malayan Mansion lima kes baharu,

menjadikan jumlah kes sebanyak 12 kes dan Pusat Bandar Utara serta Sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur sembilan kes baharu, menjadikan jumlah kes sebanyak 55 kes.

"Bagi aktiviti tertumpu di madrasah atau sekolah tafiz pula, sehingga semalam, didapati 6,229 orang pelajar, guru dan kakitangan sudah menjalani ujian Covid-19 di mana seramai 341 orang didapati positif Covid-19 atau 5.47 peratus.

"Di stesen kuarantin yang menerapkan pengembara warganegara yang baik dari luar

negara sehingga jam 5 petang kelmarin, didapati 12,672 orang menjalani ujian Covid-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 139 orang didapati positif Covid-19 atau 1.1 peratus di mana daripada jumlah positif itu, negara yang dilawat adalah 99 kes melawat Indonesia, 14 kes melawat United Kingdom, 13 kes ke Singapura, lima kes melawat Turki, tiga kes melawat Belanda, dua kes melawat Amerika Syarikat, satu kes melawat Thailand, Perancis dan Bangladesh.

"Ini menunjukkan bahawa aktiviti pendekatan tertumpu ini masih diteruskan.

"KKM mempergiatkan aktiviti pengesaman, penyaringan, isolasi serta rawatan terutama kepada kumpulan sasaran berisiko tinggi dengan pendekatan tertumpu," katanya.

388 kes atau 61 peratus adalah bukan warganegara Malaysia

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Lebih 60 peratus kes positif di lokasi PKPD libatkan warga asing

PUTRAJAYA - Lebih 60 peratus atau 388 daripada 638 kes positif koronavirus (Covid-19) yang dikecualikan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) melibatkan warga asing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia susulan tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempergiatkan aktiviti pengelepasan, penyaringan, isolasi serta rawatan kepada kumpulan sasar yang berisiko tinggi dengan pendekatan tertumpu.

Sehingga kini, katanya, seramai 21,466 orang telah menjalani ujian Covid-19 di dalam kawasan PKPD.

“Daripada 638 orang yang didapati positif itu, seramai 388 atau 61 peratus adalah bukan warganegara Malaysia. Baki 250 kes atau 39 peratus pula ialah rakyat Malaysia,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



Jangkitan kluster pasar borong

PUTRAJAYA - Kes positif koronavirus (Covid-19) membabitkan peniaga di Pasar Awam Bahau, Negeri Sembilan dan Taman Megah, Petaling Jaya dikesan mempunyai kaitan dengan kluster jangkitan di Pasar Borong Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) akan memulakan saringan terhadap peniaga di kedua-dua pasar berkenaan termasuk kontak rapat.

"Kita dapatkan peniaga ini dari Pasar Borong Kuala Lumpur dan kembali ke Bahau dan jalani perniagaan di situ. Kita anggap ia kluster pasar borong."

"Kita akan uji 60 peniaga ini dan saringan sudah pun bermula. Kita harap dapat kawal jangkitan dan kurangkan jangkitannya," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Sinar Harian semalam melaporkan Pasar Awam Bahau ditutup selama 14 hari bermula 27 April sehingga 10 Mei depan untuk kerja-kerja pembersihan selepas salah seorang peniaga di situ disahkan positif Covid-19.

MEMERANGI WABAK COVID-19

ISIN 27 APRIL 2020 • SINAR HARIAN

#PastiAdaSinar

Ada risiko jangkitan kedua

Tiada bukti pesakit pulih Covid-19 bebas daripada jangkitan kedua

Oleh NURUL HUDA HUSAIN dan MOHD RIDZUAN ABU HASAN

PUTRAJAYA

Antibodi dalam badan pesakit yang pulih daripada koronavirus (Covid-19) tidak akan melindungi pesakit terbabit daripada risiko jangkitan kali kedua.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, antibodi Immunoglobulin M (IgM) diikuti Immunoglobulin G (IgG) akan terhasil dalam badan selepas lima hingga enam hari dijangkiti virus berkenaan.

Namun menurutnya, tiada bukti menunjukkan kedua-dua antibodi itu dapat melindungi pesakit yang disahkan pulih sebelum ini.

"Jadi isnanya, jangkitan semula itu besar kemungkinan boleh dijangkiti. Maksudnya



FOTO: BERNAMA

Pesakit yang sembuh daripada Covid-19 masih berisiko untuk mendapat jangkitan kali kedua.

walaupun mereka telah dijangkiti contohnya seramai 5,780 orang dan mereka yang telah discaj seramai 3,862 orang itu ada antibodi, tapi antibodi tersebut tidak cukup untuk melindungi mereka daripada jangkitan kedua.

"Oleh itu, semua pesakit sebelum kita benarkan mereka pulang, kita perlu memberi kaunseling kepada mereka untuk melindungi mereka daripada dijangkiti semula," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kemen-

teriannya di sini semalam.

Beliau berkata, setakat ini tiada kes jangkitan semula direkodkan di negara ini.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) semalam memberi amaran bahawa tiada bukti mereka yang pulih daripada Covid-19 kebal dan terlindung daripada jangkitan semula.

Amaran berkenaan dikeluarkan ketika beberapa negara mempertimbangkan untuk mengeluarkan dokumen seperti 'pasport imuniti' kepada mereka yang pulih.

Elak penduduk zon hijau langgar PKP

SHAH ALAM - Sikap sebahagian orang ramai yang mengambil mudah mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di zon hijau boleh menyebabkan wabak koronavirus (Covid-19) kembali merebak.

Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC) menerusi satu kenyataan memaklumkan sikap berkenaan juga boleh membahayakan semula keadaan sekarang yang semakin baik.


"Media melaporkan ada sebahagian orang di zon hijau yang mengambil mudah PKP atas keyakinan bahawa situasi telah selamat di kawasan mereka.

"Sikap sebegini sebenarnya boleh membahayakan semula keadaan sekarang yang semakin baik," menurut kenyataan yang dimuat naik di Facebook.

Kenyataan itu memaklumkan, kerisauan terbesar adalah pesakit tidak bersimptom (*asymptomatic*) yang akan menyebarkan jangkitan wabak terbabit tanpa disedari.

Terdahulu, STFC dalam kenyataan sama memaklumkan tiada perubahan ketara bagi jumlah zon merah dan zon kuning di Selangor sehingga jam 12 tengah hari kelmarin.

Kenyataan itu memaklumkan situasi masih terkawal namun terdapat satu kes kematian dilaporkan kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan 15 kema-



Tiga daerah di Selangor masih dikategorikan sebagai zon merah dan enam lagi zon kuning berikut merekodkan kes aktif kurang daripada 40 kes.

tian di Selangor.

Tiga daerah di Selangor masih ditakrif sebagai zon merah termasuk Hulu Langat (100 kes); Petaling (63 kes) dan Klang yang merekod 44 kes.

Enam daerah termasuk Gombak yang mencatat 17 kes aktif, Kuala Langat (tujuh kes); Sepang (tujuh kes); Kuala Selangor (enam kes); Hulu Selangor (lima kes) dan Sabak Bernam yang merekod tiga kes aktif ditakrif sebagai zon kuning.

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN
"Islam Penuh Hidup"

Suburkan Hartamu Dengan ZAKAT

SALAM RAMADAN
AL MUBARAK

4 RAMADAN 1441 / 27 APRIL 2020

Surah al-'Isra': ayat 79:

"Dan banqunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah "sembahyang tabajjud" padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu. Semoga Tuhanmu membengkit dan menempatkanmu pada hari akhir di tempat yang terpuji."

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • ISNIN 27 APRIL 2020

#PastiAdaSinar

MEMERANGI WABAK COVID-19



136,941 individu telah disaring

PUTRAJAYA - Seramai 136,941 individu yang dikenal pasti mempunyai kaitan langsung dengan kes positif wabak koronavirus (Covid-19) telah disaring setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, hanya 5,780 orang didapati positif Covid-19.

Menurutnya, berdasarkan rekod terkini juga terdapat lima kluster aktif yang menyaksikan pertambahan kes baharu.

"Kluster aktif di Malaysia ialah persidangan gereja di Kuching, Samarahan dan Serian yang mencatat dua kes baharu menjadikan keseluruhan 165 kes."

"Flat Kampong Bahru ada pertambahan dua kes menjadikan jumlah 36 kes."

"Kluster pesantren dan tabligh di madrasah Johor ada pertambahan satu kes menjadi jumlah masing-masing 90 dan 27 kes," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, kluster lain yang turut didapati aktif ialah kluster Hospital Muar juga bertambah satu kes menjadikan jumlah 24 kes.

"Lain-lain kluster tiada pertambahan kes baharu," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, KKM memperketatkan saringan Covid-19 terhadap semua anak kapal yang membabitkan penerbangan pulang dari luar negara.

8 negeri tiada kes baharu

Jumlah itu bagaimanapun menurun berbanding 13 negeri kelmarin

Oleh NURUL HUDA HUSAIN dan MOHD RIDZUAN ABU HASAN

PUTRAJAYA

Lapan negeri mencatatkan sifar kes baharu wabak koronavirus (Covid-19) setakat semalam.

Negeri berkenaan ialah Perlis, Kedah, Perak, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bagaimanapun, jumlah bilangan negeri yang mencatatkan sifar kes baharu Covid-19 itu menurun berbanding 13 negeri kelmarin.

Ia susulan pertambahan lima negeri yang merekodkan kes positif wabak tersebut semalam.

Negeri berkenaan ialah Johor yang merekodkan empat kes baharu, diikuti Pulau Pinang dengan dua kes dan masing-masing satu kes di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan



Dr Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan semalam.

dan Melaka.

Kes positif baharu yang direkodkan Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya itu merupakan kes import.

Sementara itu, Selangor kekal sebagai negeri yang mencatatkan bilangan kes kumulatif tertinggi iaitu 1,394 kes.

Ia diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,170 kes dan Johor 659 kes.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah

Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam sidang medianya di sini semalam memaklumkan, terdapat 38 kes baharu direkodkan semalam menjadikan kumulatif kes meningkat kepada 5,780 kes.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehangkitan Covid-19 adalah 1,820 kes.

"Sehingga kini seramai 36 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi di mana 15 daripada mereka memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Menurutnya, bilangan kes yang di-disaj semalam merekodkan lebih dua kali ganda jumlah kes positif baharu.

"Terdapat 100 kes yang telah pulih dan dibenarkan disaj semalam berbanding 38 kes baharu direkodkan."


"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah disaj dari wad adalah sebanyak 3,862 kes atau 66.8 peratus daripada jumlah keseluruhan," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, tiada pertambahan kes kematian berkaitan wabak tersebut semalam.

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 98 kes," katanya.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

JUMLAH KESELURUHAN: **5,780** | PULIH: **3,862** | ICU: **36** | KEMATIAN: **98** | KES BAHARU: **+38**




Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 5,742 kes kepada 5,780 kes

INFOGRAPHIC: SINAR HARIAN/EPIC



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kesan kontak rapat di Kota Samarahan

KUCHING - Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan melaksanakan pengesanan kes secara aktif bagi mencari kontak rapat koronavirus (Covid-19) di Kota Samarahan mulai hari ini hingga 30 April.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, aktiviti pengesanan secara aktif itu akan dijalankan di Taman Desa Ilmu dan Taman Uni Garden.

"Melalui kaedah ini, ia dipanggil kaedah MCO (Perintah Kawalan Pergerakan) bersasar. Kita sasar kepada kes-kes yang telah dikesan



DR ADHAM

sebagai kontak oleh kes-kes positif sebelum ini.

"Kes-kes yang kita akan dapati itu, jika mereka mempunyai gejala kita akan terus asingkan mereka dan kepada mereka yang tidak bergejala, kita akan ambil sampel," katanya

pada sidang media selepas menghadiri satu taklimat di Pusat Jantung di sini semalam.

Dr Adham berkata, 50 pasukan yang terdiri daripada 100 anggota petugas akan mengendalikan proses saringan dan mengenal pasti kontak aktif Covid-19 di dua kawasan perumahan terlibat. - Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes . MONDAY, APRIL 27, 2020

6

NEWS / Nation

ENCOURAGING

38 NEW CASES REPORTED, NO DEATHS

It's the second lowest daily figure since 36 cases on April 21

PUTRAJAYA

THE country's efforts to combat the Covid-19 pandemic continue to produce encouraging outcomes, with more patients recovering from the disease and the number of new cases beginning to decline.

The number of new cases dipped to its second lowest daily figure yesterday, with 38 cases registered. The lowest figure was 36 cases on April 21.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said 100 patients were given a clean bill of health, bringing the total re-

coveries to 3,862, or 66.8 per cent of the cumulative 5,780 cases.

He said the number of active Covid-19 cases stood at 1,820. These patients, he said, had been isolated and provided with treatment.

"Up to today, 36 patients are being treated in intensive care units with 15 requiring breathing assistance," he told a daily press briefing on the Covid-19 situation yesterday.

Dr Noor Hisham said no deaths were reported to the ministry's National Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC).

The Covid-19 death toll in the country stood at 98.

The ministry, together with other government departments and agencies, he said, had intensified detection, screening, testing, isolation and treatment activities, especially on high-risk target groups using its targeted approach.

Up to noon yesterday, 21,466



Health Ministry personnel conducting Covid-19 screening on residents in Selayang Baru, Kuala Lumpur, yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

people in areas placed under the Enhanced Movement Control Order (EMCO) have been screened for Covid-19. Of the total, 638, including 250 foreigners, tested positive for Covid-19.

He said 12,672 Malaysians who returned from abroad and placed under quarantine had been screened by the ministry. A total of 139, or 1.1 per cent, were found to be Covid-19 positive.

"The development on the Covid-19 situation shows that measures and activities introduced by the government to contain the spread of the virus are producing the desired results."

He said although Malaysia had yet to register any relapse case, he noted that there was still a risk of re-infection among those who had recovered.

He was commenting on the warning by the World Health Organisation (WHO), which stated that those who contracted the

virus might not necessarily develop immunity.

He said the antibody response developed among recovered Covid-19 patients was not sufficient to protect them from being infected by the virus a second time.

"We (Malaysia) do not have any case of recovered patients getting infected again."

"Having said that, recovered patients must continue to practise precautions, including adopting hygienic practices, to avoid from getting infected by Covid-19 for the second time," he said.

"During the fifth or sixth day (into their treatment), a Covid-19 patient will usually develop an antibody response, which is IgM (immunoglobulin M), followed by IgG (immunoglobulin G)."

"(The antibody), however, will not be able to protect them from getting a second infection. There

is no evidence that recovered patients will not get re-infected.

"The issue is re-infection (among recovered patients) may occur."

"That is why recovered patients will have to undergo counselling before they are discharged from hospitals," he said.

In a scientific brief published on Friday, WHO said that there was no evidence yet that people who have had Covid-19 would not get a second infection.

The global health body cautioned against governments that were considering issuing so-called "immunity passports" to people who had recovered from Covid-19.

Meanwhile, Brunei detected 11 recurring cases up to April 14.

The development prompted its government to carry out re-swab testing on recovered patients discharged from its National Isolation Centre.



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah at the Covid-19 briefing in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

'Medical staff cases not due to lack of PPE'

PUTRAJAYA: Almost 80 per cent of healthcare workers in Malaysia infected by Covid-19 got the virus from the community, that is, through weddings and gatherings.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said when these people came back to work, such as the Teluk Intan Hospital case, they infected their colleagues.

"They were not infected while working in Covid-19 wards in hospitals or while treating Covid-19 patients in intensive care units (ICU)."

He said the infected medical staff were those working in non-Covid-19 wards.

The problem, he said, was not linked to a lack of personal protective equipment (PPE).

"It is not about the lack of PPE. If you are treating a Covid-19 patient or are working in the ICU, you need to wear a full PPE. That's mandatory."

On April 23, it was reported that 325 medical workers under the

Health Ministry had tested positive for Covid-19, making up 5.8 per cent of the cumulative number of Covid-19 positive cases in the country.

Three fatalities were recorded from this group.

Dr Noor Hisham said more importantly, the ministry had realised that infections also came from ILI (influenza like illness) and SARI (severe acute respiratory infection) cases.

And for that reason, healthcare workers, whether in the public or private sector who are examining or treating ILI and SARI patients, must also be protected.

While infections would occur, it was important to take all precautionary measures, he said.

He confirmed that the Taman Megah morning market in Petaling Jaya had been closed after one of its traders tested positive for Covid-19.

He said the ministry was notified of the case, after which it closed down the market and began active case detection of the

trader's close contacts.

There were 60 traders at the market, he said, noting that all were considered close contacts.

"From our experience with close contacts, the detection rate is about 30 per cent."

"The detection rate is always much higher if we focus on close contacts instead of everyone in an area. Screening has started and we hope to control the infection."

As to whether customers of the morning market should get themselves screened, he said this would be necessary only if they have had contact with the positive case.

What's more important, he said, was for customers to practise social distancing and wash their hands as they moved from one stall to another.

"This is the new norm that we need to do."

"Take all precautionary measures and maintain good personal hygiene."

PRAYER TIMES

	SUBUH (am)	SYURUK	ZUHUR	ASAR (pm)	MAGHRIB	ISYAK
Metaka	5:53	7:03	1:11	4:29	7:16	8:27
Penang	5:57	7:06	1:18	4:34	7:26	8:38
K. Lumpur	5:55	7:03	1:14	4:30	7:20	8:31
Johor Baru	5:48	6:58	1:05	4:23	7:09	8:20
Kuantan	5:49	7:00	1:08	4:25	7:13	8:25
Ipoh	5:56	7:03	1:16	4:32	7:23	8:35

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

6 Nation

THE STAR, MONDAY 27 APRIL 2020

Covid-19: Current situation globally
(As of 7pm April 26, 2020)

Asean+	India	Singapore	Japan	S. Korea	Indonesia	Philippines	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos	New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered
Confirmed cases	26,496	13,624	13,231	10,728	8,882	7,579	2,922	270	146	138	122	19	38	5,780	98	3,862
Deaths	825	12	360	242	743	501	51	0	5	1	0	0				
Recovered	5,939	1,002	1,656	8,717	1,107	862	2,594	225	10	123	117	7				
Global Top 10	US	Spain	Italy	France	Germany	UK	Turkey	Iran	China							
Confirmed cases	960,896	223,759	195,351	161,488	156,513	148,377	107,773	90,481	82,827	80,949						
Deaths	54,265	22,902	26,384	22,614	5,877	20,319	2,706	5,710	4,632	747						
Recovered	118,162	95,708	63,120	44,594	109,800	N/A	25,582	69,657	77,394	6,767						

'Ensure babies get immunisation shots during MCO'

PETALING JAYA: Parents should not let their fear of Covid-19 hamper their babies' immunisation shots, says the Health Ministry's Family Health Development Division.

Noting that some people had delayed bringing their children to clinics as they were worried about them catching the disease, it said the question that should be asked is: "Isn't it more risky to miss the baby's immunisation?"

Dr Rozita Ab Rahman, who is the division's senior principal assistant director, said parents should show the immunisation record book to police in case of a roadblock during

the movement control order (MCO). "The police will let you through," she added.

In a release by Immunise4Life, a community health education initiative, she said the Covid-19 pandemic is why parents should ensure that their children's vaccination, especially those given throughout the first 18 months of age, is not put off.

"All the vaccines, except HPV, need to be given within the first 18 months of life. It is important that baby receives all the doses required for each vaccine at the right time in order to be fully protected."

"Delaying or skipping the immu-



nisation schedule can leave the baby vulnerable to diseases," she said.

Immunisation under the National Immunisation Programme protects children from 12 vaccine preventable diseases such as tuberculosis, diphtheria, tetanus, pertussis, polio, haemophilus measles and mumps.

To assure the parents, Dr Rozita

said the ministry had arranged staggered appointments for its patients, so parents should be punctual.

"Once you arrive at the clinic, the staff will take your temperature at the triage counter. They will also ask if your baby or you are having any symptoms of influenza-like illness (such as fever, runny nose, cough, sore throat) and shortness of breath," said Dr Rozita.

Parents, she said, should be truthful about their contacts with Covid-19 patients and travel history.

She said the babies will be given personalised care.

"Time spent in the clinic will be

kept to a minimum. Parents and their babies come in, get the jab and go," said Dr Rozita.

"Parents will be comforted to know that not all health clinics conduct sampling for detection of Covid-19."

She said parents who had missed their children's scheduled immunisation during the MCO period should call their respective health clinics and make another appointment.

Immunise4Life falls under the auspices of the Health Ministry, Malaysian Paediatric Association and Malaysian Society of Infectious Diseases and Chemotherapy.

No deaths for the second time

Daily casualty toll remains at 98, with 38 new confirmed cases

By ZAKIAH KOYA
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysia has reported 38 new Covid-19 cases with no deaths in the latest tally.

This is only the second time since the movement control order (MCO) was imposed that no deaths were recorded in the daily tally.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, who disclosed the figures, said 100 patients had been discharged while 15 patients still needed ventilators.

He said the total number of Covid-19 cases stood at 5,780, with fatalities remaining at 98. The number of active cases stood at 1,820.

"On the testing in enhanced MCO areas, there were 638 positive cases.

"Of this, 388 cases involved foreigners and the rest involved Malaysians," he said at his daily press briefing yesterday.

Dr Noor Hisham also said there was a new Covid-19 case detected in Menara City One and five more new cases at Malayan Mansion.



Encouraging statistics: Dr Noor Hisham speaking during the daily Covid-19 press briefing at the Health Ministry headquarters in Putrajaya. Looking on is his deputy Datuk Dr Rohailazat Yon (left). — Bernama

At the Kuala Lumpur wholesale market, there were nine new cases.

On international reports that the antibodies produced during the first infection did not provide enough protection from a second infection, Dr Noor Hisham said this could be because the antibodies generated were not enough.

"This is why we provide counselling before discharging patients to ensure that they continue to take precautions," he added.

On the positive case of a trader at a wet market in the Taman Megah SS24 Market in Petaling Jaya, he said the trader concerned was from the Kuala Lumpur wholesale mar-

ket cluster and not a new cluster.

He said the Petaling Jaya City Council sealed off the Taman Megah SS24 market for cleaning and disinfection from 1.30pm yesterday.

"We will be screening all 60 traders at the market and those who were in close contact with the positive patient," he added.

Dr Noor Hisham said there were no infections suffered by medical health personnel from the Covid-19 and intensive care wards.

"Those infected were from non-Covid-19 wards and this is why it is important for all medical personnel to don personal protective equipment before clinical examinations and surgical procedures," he added.

He said 80% of medical personnel who contracted the virus got it from non-Covid-19 wards and from contact with patients outside while off-duty.

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDER

More foreigners than locals infected in EMCO areas

■ BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Among Covid-19 patients living in areas put under an enhanced movement control order (EMCO), foreigners outnumber Malaysians by a substantial margin.

As of yesterday, there were a total of 638 individuals who tested positive for the infection. Among them were 388 foreigners, or 61% of the total, with Malaysians making up the remaining 39%, or 250 cases.

Health Ministry Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said 21,466 people living in EMCO areas have been tested for Covid-19.

Of the 38 new cases reported yesterday, 15 were from EMCO areas.

Nine of the positive cases from yesterday came from North City Centre and areas around Selayang, five were from the Malayan

Mansion flats and the last case was from Menara City One Plaza in Kuala Lumpur.

Noor Hisham said among the Malaysians who have returned from abroad, 12,672 of them have undergone tests and 139 were found to have contracted the virus.

Among them were 99 who had visited Indonesia, 14 were from the United Kingdom, 13 had returned from Singapore, five made a trip to Turkey, three went to the Netherlands and two flew back from the United States. The remaining three patients had been in Thailand, France and Bangladesh, he said in his daily briefing yesterday.

Noor Hisham said the government's approach to immediately send returnees for a 14-day quarantine had proven effective.

"We hope this will reduce the spread among those in the high risk groups. The ministry expects more positive cases to be identified in the near future as this approach is ongoing," he added.

China gives M'sia thumbs up over Covid-19 control procedures

■ BY IAN MCINTYRE
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: China holds Malaysia in high regard for its ability to stem the spread of Covid-19.

China's consul-general to Penang, Lu Shiwei, noted that Malaysia took quick action to mitigate the spread of the infection by imposing the movement control order (MCO) on March 18.

He said prompt action helped to contain the spread of the virus and kept infections and fatalities low.

In an interview with *theSun*, Lu noted that the fatality rate in Malaysia remained at just 1.64%, which he described as "very low".

"The Malaysian medical system is also relatively comprehensive and the standard of healthcare is high on the whole."

He said the results were achieved with a medical staff to citizens ratio of only 4.2

to 1,000 compared with six medical staff to 1,000 citizens in China.

The World Health Organisation standard is seven medical personnel to 1,000 citizens. At the start of the outbreak, Malaysia identified 26 hospitals to focus on treating Covid-19 patients but now the effort involves 144 public hospitals and 214 private hospitals.

Lu commended Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, who was among three doctors around the world named by China Global Television Network for their leadership skills in handling the crisis.

The diplomat also lauded ordinary Malaysians for their cooperation in helping the government implement preventive and control measures.

He also handed 60,000 surgical masks to state governments and departments, the police, immigration department, hospitals and charity organisations in Perlis, Kedah, Perak and Penang.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : TECH TODAY

Malaysia's own Covid-19 tracing app

BY AZIZUL RAHMAN ISMAIL

DEVELOPED by the government of Malaysia to assist in managing Covid-19 outbreaks, MySejahtera is available for all popular smartphones and corresponding app stores.

It is a result of the cooperation between the National Security Council, the Ministry of Health, the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit, and the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

Although the app is free, it requires registration to assure the accuracy and the validity of the data it collects. This step is simple, but it can be tricky.

On the surface, the MySejahtera app is a repository of the latest verified Covid-19 statistics, locally and globally. Its home screen features a feed of the latest overall statistics along with advisories from the Health Ministry.

Tap the statistics tab, and get a more detailed breakdown locally, regionally, and globally.

During registration and every day after that, the app will request for a self-health assessment and ask simple questions such as: 'Do you have a fever?' and 'Do you have a cough?', and advise you on your risk level and what you should do.

From the main menu, you can access a hotspot tracker, manage dependents who do not own a smartphone, locate the nearest facility for Covid-19 screening, get the Covid-19 hotline number, and more.

The hotspot tracker lets users check if there has been a reported case in an area

MySejahtera helps you stay informed, safe, and gets you the help you need, when you need it



Strategic Collaboration: NSC, MNO, MAMPU & MCMC

for the past 14 days - a useful tool to assess risk levels.

The main menu is also where you can access the Virtual Health Advisory (DoctorOnCall.com.my), get a Covid-19 home test from a private clinic or hospital (self-paid), and check-in with your current location.

By updating the app with your current health status and location, you're helping the Health Ministry track and trace the spread of the virus. For example, if someone developed

symptoms, the Health Ministry can use the data on MySejahtera to trace back the patient's footsteps and take appropriate actions like administering testing for everyone who has been in the same location.

For the MySejahtera app to work, it needs your help. It requires the participation of all Malaysians, and it needs the most accurate and current information you can provide. So do your part, download and register yourself on the MySejahtera app.



MySejahtera

AI Click for main menu

Things to know

Things to do

CPRC KKM
15 Apr 2020, 2:17 PM

PERLUKAH KITA PAKAI PENUTUP MULUT DAN HIDUNG SETIAP MASA SEMASA GEJALA COVID-19?

COVID-19

Perluakah pakai penutup mulut dan hidung (mask)?

- ✓ YA.. Jika anda menjaga individu yang ada gejala pernafasan
- ✓ YA.. Jika anda seorang petugas kesihatan yang mengendali pesakit
- ✓ YA.. Jika anda petugas di bantuan hadapan
- ✓ YA.. Jika anda ada gejala pernafasan (batuk, selesma)

TIDAK PERLU JIKA ANDA BUKAN GOLONGAN DI ATAS

Kementerian Kesihatan Malaysia

[www.mylifewithcovid19.mysmash.org](#)

Source: WHO World Health Organization



MySejahtera



Statistics



Profile